

**Kerajaan Sentiasa Pantau Harga Keperluan Supaya Tidak Jejaskan Hidup Rakyat
Bernama
15 Oktober, 2011**

IPOH, 15 Okt (Bernama) -- Kerajaan sentiasa memantau pergerakan dan perkembangan harga terkini barang keperluan serta perkhidmatan bagi membendung kenaikan agar kehidupan rakyat tidak terjejas, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata sehubungan itu, kerajaan akan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi memantau kenaikan harga barang dan perkhidmatan selepas pembentangan Belanjawan 2012 minggu lepas.

"Untuk memastikan pelaksanaan pemantauan itu berjalan lancar, kita sedang mengumpulkan data daripada semua kementerian berkenaan bagi memastikan jawatankuasa khas itu dapat menjalankan tugasnya dengan lancar," katanya kepada pemberita selepas sambutan Hari Malaysia peringkat Parlimen Tambun.

Beliau berkata jawatankuasa itu akan bermesyuarat setiap dua minggu bagi mencari pendekatan terbaik dalam menangani masalah kenaikan harga.

Selain itu, jawatankuasa berkenaan akan merekod dan melaporkan harga barang keperluan dan perkhidmatan setiap hari, katanya.

Ahmad Husni, yang juga Anggota Parlimen Tambung, berkata kerajaan turut menjalankan inisiatif memperkukuhkan rantaian pembekalan bagi memastikan makanan dan keperluan rakyat di pasaran mencukupi serta dijual pada harga berpatutan.

"Antara usaha yang sedang dijalankan bagi menyekat kenaikan harga ini ialah dengan membuka lebih banyak Kedai Rakyat 1Malaysia, yang menawarkan harga 40 peratus lebih murah daripada pasaran," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga melihat isu harga barang dalam tiga konteks masa iaitu jangka pendek, sederhana dan panjang.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620100>